

PM lancar empat pakej Lebuhraya Pan Borneo esok

Btt- 5/11/2021 m/s:2

Kota Kinabalu: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dijadual melancarkan projek Lebuhraya Pan Borneo bagi pakej pantai timur Sabah di Kinabatangan, esok.

Beliau yang dalam rangka lawatan ke Sandakan dan Kinabatangan dijadual tiba di Lapangan Terbang Sandakan petang ini sebelum bertolak ke Kinabatangan pagi esok dan pulang ke Kuala Lumpur pada petang hari sama.

Ia lawatan pertama Ismail Sa-

bri ke Sandakan dan Kinabatangan serta yang kedua ke Sabah selepas dilantik sebagai Perdana Menteri pada Ogos lalu.

Projek Lebuhraya Pan Borneo yang bakal dilancarkan di Dataran Tamu Pekan Kota Kinabatangan, bermula jam 10 pagi esok membabitkan empat pakej kerja bagi laluan Kinabatangan-Sandakan-Beluran-Telupid.

Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Bung Moktar Radin, berkata kontraktor bagi em-

pat pakej kerja berkenaan, iaitu WP15, WP28, WP29 dan WP30 baru saja dilantik yang akan dilaksanakan serentak sejurus pelancarannya oleh Perdana Menteri dan dijangka siap pada 2024.

“Empat pakej ini antara pakej baharu projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah yang akan dilaksanakan tidak lama lagi. Satu lagi pakej baharu ialah laluan di antara Serusop, Tuaran ke Pituru, Kota Belud yang dijangka dimulakan tahun depan menggunakan peruntukan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

“Dengan pelaksanaan lima pakej baharu ini, menjadikan 16 pakej kerja dilaksanakan setakat ini daripada 35 pakej keseluruhan dalam Fasa Satu Projek Le-

buhraya Pan Borneo Sabah,” katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Bung Moktar yang juga Menteri Kerja Raya negeri, berkata 11 pakej sedang dilaksanakan ketika ini, kebanyakan membabitkan laluan di pantai barat Sabah yang bermula dari Sindumin di sempadan Sarawak hingga Kudat di utara dengan kerja pembinaan berjalan lancar mencapai tahap 54 peratus dan dijadual siap pada 2023.

“Untuk baki 19 pakej lagi, kita berharap ia dapat dilaksanakan serentak supaya tempoh penyiapannya dapat dipercepatkan,” katanya yang juga Ahli Parlimen Kinabatangan sambil menambah, pelaksanaan empat pakej Le-

buhraya Pan Borneo laluan Kinabatangan-Telupid bakal menyelesaikan kerosakan jalan raya sedia ada yang menimbulkan rungutan pengguna selama ini.

“Projek ini akan menyelesaikan isu kerosakan yang kerap berlaku di jalan utama sedia ada terutama dari Batu 32 Sandakan ke Telupid dan dari Batu 32 Sandakan menghala ke Kinabatangan,” katanya.

Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah Fasa Satu membabitkan jajaran Sindumin-Kota Kinabalu-Kudat di pantai barat dan Tawau-Batu 32 Sandakan di pantai timur serta Batu 32 Sandakan-Ranau di bahagian tengah Sabah dengan panjang keseluruhan 706 kilometer.

Ibadat & Fadilat

Abdullah Umar RA meriwayatkan Nabi Muhammad SAW bersabda:
 “Orang Muslim itu ialah orang aman semua orang Islam daripada bencana lidah dan tangannya. Dan Muhajirin ialah orang yang berpindah (meninggalkan) segala larangan Allah.”
 (HR Bukhari)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:55	1:05	4:25	7:00	8:11
Alor Setar	5:55	1:04	4:25	7:00	8:11
P. Pinang	5:55	1:04	4:25	7:01	8:12
Ipoh	5:51	1:02	4:23	7:00	8:11
Kuala Lumpur	5:48	1:00	4:21	6:58	8:09
Shah Alam	5:48	1:00	4:21	6:58	8:09
Johor Bahru	5:37	12:51	4:11	6:51	8:03
Kuantan	5:42	12:54	4:14	6:53	8:04
Seremban	5:45	12:58	4:18	6:57	8:09
Bandar Melaka	5:44	12:57	4:18	6:57	8:08
Kota Bharu	5:48	12:57	4:18	6:53	8:00
K. Terengganu	5:43	12:53	4:14	6:50	8:01
Kota Kinabalu	4:53	12:03	3:24	5:59	7:11
Kuching	5:12	12:26	3:47	6:26	7:38



Lebuhraya Pan Borneo dari Batu 32 Sandakan ke Kinabatangan hampir siap.

(Foto BERNAMA)